

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah projek pemecah ombak di muara Sungai Dungun akan dilaksanakan, ini kerana berdasarkan kesulitan bot-bot nelayan keluar masuk terutama pada musim tengkujuh yang boleh mengakibatkan kemalangan nyawa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Kementerian mengambil perhatian yang serius terhadap kesulitan yang dialami oleh lebih kurang 600 bot-bot nelayan keluar masuk terutama pada musim tengkujuh di muara Sungai Dungun.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Dungun ini dalam peringkat kerja rekabentuk terperinci. Projek ini melibatkan antara lainnya cadangan pembinaan pemecah ombak dan pengorekan muara.
3. Rekabentuk terperinci ini akan mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan dan kerja-kerja fizikal dijangka akan dapat dimulakan pada akhir tahun 2022.

Sekian, terima kasih.